Bagi ekosistem sungai yang ditumbuhi dengan vegetasi paya bakau, selalunya mendominasi di sekitar kawasan muara sungai. Muara sungai adalah kawasan pertemuan dan percampuran air sungai dengan air laut ketika mengalami keadaan pasang surut. Definisi yang lebih tepat bagi muara yang telah dihurai oleh Pritchard (1967) adalah suatu jasad air laut di persisiran pantai yang menjalani proses pencairan dengan sumber air tawar yang mengalir dari bahagian hulu dan tengah sungai. Keadaan ini menghasilkan sebuah ekosistem sungai yang unik dan kompleks. Bagi sesebuah muara yang berdekatan dengan paya bakau, ianya kaya dengan sumber makanan serta memberi perlindungan dan habitat untuk anak-anak ikan, udang dan organisma bercengkerang (McHugh, 1967). Selain kaya dengan juvenil ikan dan krustasia, ekosistem muara juga mempunyai pelbagai pengeluar primer contohnya fitoplankton, mikroalga bentic, alga epifitik, makrofita (tumbuhan paya rawa, paya bakau), makrofita sub-emergen (rumput laut) dan makroalga yang lebih tinggi daripada ekosistem lain (Knox, 1986; Primavera, 1989). Ekosistem muara ini amat penting kerana mempunyai biodiversiti dan produktiviti ikan yang tinggi (Ahyaudin, 2000). Kebanyakan spesies hidupan muara terdiri daripada pelbagai jenis organisma eurihaline iaitu organisma yang boleh beradaptasi dalam julat kemasinan yang tinggi (Lokman, 1992). Kewujudan ekosistem muara paya bakau ini menyebabkan pelbagai hasil makanan laut mudah didapati di kawasan perairan tersebut.

Pengkayaan nutrien di muara sungai disebabkan oleh kemasukan bahan organik dari hutan paya bakau seperti sampah sarap, kemasukan nitrogen inorganik dan fosforus dari sisa domestik dan pertanian serta kemasukan karbon organik dari bahan kumbahan ke dalam aliran sungai (Wosten *et al.*, 2003). Kadar penyerapan nutrien ini menentukan sama ada paya bakau di muara merupakan sumber ataupun sinki nutrien bagi sesebuah muara sungai (Wosten *et al.*, 2003).

## **1.2 Aktiviti Antropogen di Hulu hingga Hilir Sungai Pinang**

Penyelidikan yang dijalankan di Sungai Pinang yang terletak dalam daerah Balik Pulau, Pulau Pinang melibatkan kajian antropogen yang bertumpu di bahagian hulu dan tengah sungai hingga ke hilir sungai seterusnya ke laut terbuka (Jadual 3.1 dan Plat 3.1). Hulu sungai merupakan kawasan air tawar dan kawasan tadahan air. Pihak Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBA) telah membina loji takungan air bertujuan menyalurkan sumber bekalan air bersih untuk kegunaan penduduk setempat di sekitar Balik Pulau. Oleh yang demikian, kepentingan pemeliharaan kawasan tersebut perlu dirancang supaya tidak dicemari dan kekal sebagai warisan semulajadi kita. Menurut Wetzel (2001), sungai telah digunakan untuk kepentingan manusia sejak beratus-ratus tahun yang lalu dan kini, hanya tinggal beberapa batang sungai yang masih dalam keadaan semulajadi iaitu tanpa sebarang gangguan aktiviti antropogen. Oleh itu, sebarang kemusnahan daripada aktiviti antropogen di sepanjang sungai akan memberi impak terhadap kualiti air sesebuah sungai.

Sumber air Sungai Pinang berpunca daripada kewujudan mata air di Bukit Laksamana dan Bukit Tiger yang mengalir keluar dari puncak bukit tersebut membentuk aliran-aliran air yang bercabang sehingga mengalir ke hilir sungai. Namun begitu, di sekitar kawasan tadahan air di hulu Sungai Pinang yang terletak di kawasan topografi berbukit-bukau dipenuhi dengan tanaman pokok-pokok durian. Penerokaan kawasan berbukit di sekitar kawasan tadahan bagi pembukaan dusun durian telah berlaku semenjak 30 tahun yang lalu.

Sungai Pinang mengalir melalui kawasan perumahan yang terancang, kawasan kampung-kampung kecil tanpa sistem pembetungan dan kolam akuakultur di sekitar bahagian tengah sungai. Bahan-bahan buangan dari kumbahan tanpa dirawat boleh menjejaskan kualiti air sungai ini jika dibiarkan berlarutan. Ketiadaan sistem rawatan air yang dibina untuk merawat sisa atau bahan buangan kedua-dua aktiviti domestik dan akuakultur ini menyumbang kepada permasalahan air sungai yang semakin hari semakin dicemari.

### **1.3 Kesan Aktiviti Antropogen**

Sungai Pinang adalah sebatang sungai yang tercemar akibat kewujudan aktiviti antropogen seperti pertanian, domestik dan akuakultur. Ketiga-tiga aktiviti antropogen ini terletak berhampiran ataupun di sekitar cabang aliran sungai ini.

### **1.3.1 Pertanian**

Aktiviti pertanian merupakan salah satu punca berlakunya perubahan kualiti dan kuantiti larian air (Richards & Host, 1994). Kesan daripada kewujudan penanaman pokok-pokok durian dan kelapa sawit secara meluas menyebabkan penggunaan baja, herbisid dan pestisid secara berkala dilakukan terutama apabila musim durian berbunga.

Walaupun impak aktiviti antropogen di kawasan yang kecil di hulu sungai, ia berupaya memberi kesan pencemaran yang lebih besar terhadap keseluruhan lembangan sungai sehingga ke hilir sungai (Peters & Meybeck, 2000). Oleh itu, tidak mustahil faktor luaran seperti penggunaan baja dan pestisid (Bellos *et al.*, 2004) untuk tanaman durian di hulu dan tanaman kontan pokok kelapa sawit di tengah Sungai Pinang yang menggunakan keluasan tanah yang besar boleh menyebabkan pencemaran air yang lebih teruk pada masa akan datang.

Baja utama yang biasa digunakan untuk aktiviti pertanian seperti ini ialah nitrogen, fosforus dan kalium (Todd, 1989). Sungguhpun, baja fosforus dan kalium yang digunakan dapat melarut lesap melalui aliran bawah tanah, tetapi jumlahnya adalah sedikit kerana ia dipegang kuat oleh zarah-zarah tanah. Oleh itu, ia jarang menjadi masalah pencemaran terhadap air sungai. Menurut Todd (1989) lagi, hanya sebahagian sahaja daripada baja nitrogen dalam bentuk larutan yang diserap ke dalam tanah dan digunakan oleh tumbuhan. Selebihnya, ia mengalir melalui aliran bawah tanah seterusnya memasuki sistem sungai (Todd, 1989).

Tambahan pula, aplikasi baja terhadap tanah pertanian yang berdekatan dengan aliran sungai menambahkan peluang ia bergerak dengan cepat mengikut aliran sungai melalui proses larut lesap (Peters & Meybeck, 2000) dan juga bergantung kepada jumlah dan kualiti larian air semasa hujan lebat (Ngoye & Machiwa, 2004). Di samping itu juga, racun serangga yang digunakan pada tumbuhan pertanian turut menjadi punca kepada masalah pencemaran air (Hishamudin *et al.*, 1987).

### **1.3.2 Domestik**

Pembuangan sisa-sisa domestik secara terus ke dalam sungai menyebabkan kekeruhan air serta menghasilkan bau yang kurang menyenangkan (Todd, 1989). Berdasarkan kajian Todd (1989), pembuangan secara langsung sisa-sisa domestik ini boleh mengakibatkan peningkatan kepekatan keperluan oksigen biologi ('Biochemical Oxygen Demand', BOD), nitrat, kimia organik dan juga bakteria dalam tanah. Air buangan domestik ini boleh menyebabkan bakteria, virus, kimia tak organik dan kimia organik masuk ke dalam tanah (Todd, 1989) dan menjurus kepada pencemaran sungai.

Di sekitar Sungai Pinang terdapat kawasan perumahan, premis kedai dan restoran. Persekitaran tersebut amat mendukacitakan kerana keadaan air sungai yang keruh dipenuhi sampah-sarap, sisa minyak masakan dan minyak pelincir bot, najis manusia, sisa buangan makanan dan sebagainya dilihat terapung-apung di permukaan air sungai berkenaan. Pembinaan perumahan yang tidak terancang tanpa sistem rawatan air menyebabkan bahan buangan dari aktiviti domestik disalur secara terus ke sistem sungai (Wan Maznah, 2002).

### **1.3.3 Akuakultur**

Bahan buangan akuakultur yang mengandungi lebihan pelet yang tidak dimakan, urin dan najis haiwan boleh menyebabkan keadaan eutrofikasi akibat daripada kandungan nutrien nitrat dan fosforus yang tinggi (Defur & Rader, 1995; Taufik, 2000). Selain itu, pengurangan oksigen dan biodiversiti ikan boleh menggugat aktiviti perikanan oleh nelayan daripada segi kuantitatif dan kualitatif (Kautsky *et al.*, 2001).

Kawasan kolam akuakultur biasanya terletak antara 2 hingga 20 hektar dari pinggir muara paya bakau (Sasekumar, 2000). Kolam akuakultur merupakan faktor utama yang menyumbang kepada kemusnahan ekosistem paya bakau (Todd, 1989). Pembukaan dan pembinaan sektor akuakultur telah memusnahkan sebanyak 64% daripada keluasan paya bakau bagi negeri Pulau Pinang sepanjang tempoh 1973 hingga 2004 (SAM, 2004) akibatnya menjurus kepada kehilangan habitat fauna.

### **1.4 Kajian di Sungai Pinang**

Kajian ini menekankan tahap kualiti air Sungai Pinang yang menerima impak daripada aktiviti antropogen yang wujud di sepanjang dan sekitar kawasan kajian. Kawasan kajian ini bermula dari kawasan tadahan air terjun Titi Kerawang sehinggalah mengalir ke laut terbuka.

Lembangan Sungai Pinang di bahagikan kepada tiga bahagian iaitu hulu, tengah dan hilir sungai. Hulu sungai iaitu di kawasan rekreasi air terjun Titi Kerawang menjadi kawasan tadahan air untuk memenuhi keperluan air penduduk di sekitar daerah Balik

Pulau. Kawasan tengah sungai merupakan kawasan yang pesat dengan aktiviti pertanian, kawasan domestik dan perindustrian akuakultur. Hanya beberapa batang pokok paya bakau kelihatan di sepanjang pinggir bahagian tengah sungai. Kawasan hilir sungai berhampiran dengan bukaan muara paya bakau dan lautan terbuka yang terletak kira-kira 0.5 km dari muara Sungai Pinang.

Parameter fizikal dalam kajian ini yang diukur adalah pH, jenis pasang surut (pasang anak atau pasang perbani), suhu, kedalaman sungai dan jumlah pepejal terampai ('Total Suspended Solids', TSS). Parameter kimia yang diukur adalah BOD<sub>5</sub>, oksigen terlarut, konduktiviti, saliniti, ammonium (NH<sub>4</sub><sup>+</sup>), nitrit (NO<sub>2</sub><sup>-</sup>), nitrat (NO<sub>3</sub><sup>-</sup>) dan orto-fosfat (PO<sub>4</sub><sup>3-</sup>). Kandungan nutrien sepanjang Sungai Pinang ini berubah-ubah dari hulu hingga hilir bergantung kepada punca air tersebut, bahan buangan yang dihasilkan oleh aktiviti antropogen yang berdekatan dengan kawasan tersebut selain daripada beberapa faktor luaran seperti jumlah hujan, tindakan mikroorganisma, sedimentasi, bentuk muka bumi, topografi dan sebagainya.

Data penyelidikan yang diperolehi daripada kajian di Sungai Pinang dianalisis dengan menggunakan kaedah statistik daripada perisian SPSS 15.0. Kaedah statistik yang diterapkan dalam kajian ini adalah Analisis Varians ('Analysis of Variance', ANOVA) satu hala iaitu dengan menggunakan bahagian sungai (hulu, tengah dan hilir) sebagai faktor. Selain itu, kaedah analisis ujian-t sampel tidak bersandar digunakan untuk membuat bandingan setiap parameter dengan permukaan dan dasar sungai, keadaan air surut dan pasang, jenis pasang perbani dan pasang anak serta perbezaan musim hujan dan musim kering.

Selain daripada itu, data tersebut juga dianalisis dan diaplikasikan dengan menggunakan pendekatan pemodelan persekitaran dinamakan ‘Non-supervised Artificial Neural Network’ (ANN) yang didapati daripada perisian MATLAB 6.5. ANN digunakan untuk mengenalpasti bahagian sungai yang dicemari daripada taburan data parameter fizikal dan kimia yang mana merupakan faktor utama menyumbang kepada pencemaran air di Sungai Pinang.

### **1.5 Objektif Kajian**

Dalam kajian ini beberapa objektif disasarkan untuk mengetahui setakat mana impak aktiviti antropogen memberi kesan terhadap kualiti air sungai ini. Oleh yang demikian, objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengkaji impak aktiviti antropogen dan faktor yang berkaitan terhadap parameter kualiti air di sepanjang lembangan Sungai Pinang.
2. Melihat pengaruh pasang surut terhadap taburan parameter kualiti air Sungai Pinang.
3. Menentukan taburan nutrien di Sungai Pinang dengan mengaplikasi ‘Non-supervised Artificial Neural Network’ (ANN).

## **BAB 2.0 - TINJAUAN BACAAN**

### **2.1 Latar Belakang dan Ciri-ciri Kawasan Tadahan Air**

Secara amnya, kawasan tadahan air berpunca daripada mata air yang membentuk aliran anak-anak sungai di puncak bukit. Pembentukan sungai menjadi lebih besar dan luas semakin ia mengalir menuju ke laut. Segala permasalahan pencemaran air yang berlaku di bahagian tengah dan hilir sungai berkait rapat dengan keadaan persekitaran di bahagian hulu sungai. Sungai dan kawasan tadahannya merupakan bahagian yang sangat penting sebagai warisan semulajadi (Wetzel, 2001).

Sebarang pengubahsuaian ciri-ciri kawasan tadahan air termasuk kawasan sekitarnya oleh aktiviti penerokaan dan pembangunan kawasan hutan (Anderson *et al.*, 2001; Yan *et al.*, 2005; Lehrter, 2006) pertanian, sektor perindustrian dan perbandaran (Richards & Host, 1994; JAS, 2007) di hulu sungai boleh menjejaskan kualiti air daripada segi eksport nitrogen ke dalam aliran sungai di hilir (Anderson *et al.*, 2001; Yan *et al.*, 2005; Merseburger *et al.*, 2005; Lehrter, 2006). Sehubungan dengan itu, pengubahsuaian bentuk muka bumi dan perubahan yang bersangkutan paut dengan vegetasi bukan sahaja mengubah keseimbangan aliran air malah ia juga mempengaruhi keseluruhan proses kawalan kualiti air (Peters & Meybeck, 2000).

Selain daripada itu, pembangunan sosioekonomi, kekurangan alat sanitasi dan kemudahan sistem rawatan bahan buangan di negara membangun yang mempunyai populasi penduduk yang tinggi turut menyebabkan pencemaran air sungai (Peters & Meybeck, 2000). Penggunaan gas, aerosol dan pelbagai bahan kimia lain dalam

atmosfera yang memasuki aliran sungai melalui tindakan hujan berkemungkinan memberi kesan toksik terhadap sesebuah kawasan tadahan air sehinggakan sumber air tersebut tidak lagi bersih digunakan oleh manusia (Peters & Meybeck, 2000).

Sebarang perubahan yang berlaku di kawasan tadahan air oleh impak aktiviti antropogen ataupun fenomena semulajadi berpotensi mengakibatkan perubahan secara tidak langsung terhadap ekosistem muara sungai (Dauer *et al.*, 2000).

## **2.2 Impak Aktiviti Antropogen di Pinggir Sungai**

Dari dahulu sehingga ke hari ini, aktiviti pembangunan sering diwujudkan di pinggir-pinggir sungai. Rentetan daripada keadaan tersebut, banyak kemusnahan ekosistem di pinggir sungai dilakukan bagi memenuhi kehendak masyarakat yang inginkan pembangunan. Hasil daripada kemusnahan di pinggir sungai mengakibatkan kualiti air sungai dan ekosistem sungai terjejas secara keseluruhannya.

Sungai Pinang adalah satu contoh di mana kawasan paya bakaunya tertumpu di kawasan tengah dan hilir sungai. Kawasan tersebut dibangunkan menjadi kawasan domestik dan sebahagiannya dibuka menjadi kolam akuakultur. Contohnya di Pulau Pinang hanya tinggal seluas 1,400 hektar paya bakau pada tahun 2004 berbanding 3,900 hektar pada tahun 1973 disebabkan masalah yang sama (SAM, 2004). Pembukaan kolam akuakultur dan kawasan domestik (SAM, 2004; Schaffelke *et al.*, 2005), pembinaan pelabuhan, kemudahan lapangan terbang, perindustrian dan juga kawasan pertanian (Ong, 1982) menyumbang kepada kemusnahan paya bakau di pinggir muara sungai.

Kemusnahan ini menyebabkan kehilangan habitat, fauna, flora dan proses hakisan di persisiran pantai atau sedimentasi (Esam Ahmad, 1998). Kesan pembangunan ini menyebabkan struktur tanah yang tidak stabil, kemerosotan kualiti air secara nyata dan kehilangan habitat utama di kawasan persisiran marin (Schaffelke *et al.*, 2005).

Paya bakau secara alamiahnya merupakan tempat pembuangan sampah secara haram, bahan buangan dari sektor akuakultur dan perindustrian (Clark, 1998) serta dijadikan tempat buangan kumbahan (Clough *et al.*, 1983; Clark, 1998).

### **2.3 Hasil Kajian Terhadap Pencemaran Sungai**

Di Malaysia, muara sungai bertindak sebagai tempat penyaluran sisa perindustrian, bahan kumbahan, bahan kimia pertanian dan bahan buangan akuakultur. Berdasarkan Laporan Kualiti Alam Sekeliling (JAS, 2007), kawasan tempat pembuangan sampah pepejal, tempat pembuangan bahan radioaktif, kawasan pedalaman, tapak bekas lombong, kawasan penanaman bangkai haiwan dan kawasan pelancongan juga menyumbang kepada pencemaran aliran air bawah tanah dan sungai di Malaysia.

Pelbagai aktiviti antropogen yang dijalankan di sekitar sungai juga turut mengakibatkan masalah pencemaran dan ketoksikan air di hilir sungai. Keadaan berterusan seperti ini boleh menjejaskan kelestarian ekosistem di kawasan muara paya bakau dan pantai sebagai kawasan terakhir dalam pengaliran sesebuah sungai (Ahyaudin, 2000). Kajian Sidik *et al.* (2008) menyatakan banyak perairan muara dan

pinggir pantai mengalami pengkayaan kepekatan nutrien sejak 40 tahun yang lalu kerana dipengaruhi oleh aktiviti antropogen di sekitarnya.

Pada tahun 2007, sebanyak tujuh lembangan sungai dilaporkan paling tercemar di Malaysia iaitu lembangan Sungai Pinang (Georgetown) dan Sungai Juru di Pulau Pinang, Sungai Merlimau di Melaka manakala, Sungai Dangga, Sungai Segget, Sungai Kawasan Pasir Gudang dan Sungai Tebrau di Johor (JAS, 2007). Lembangan sungai ini diklasifikasikan sebagai sungai yang paling tercemar berdasarkan Indeks Kualiti Air ('Water Quality Index', WQI) untuk enam parameter iaitu oksigen terlarut, BOD, keperluan oksigen kimia ('Chemical Oxygen Demand', COD), ammonium, pepejal terampai dan pH (JAS, 2007). WQI yang digunakan untuk menilai dan menentukan sesebuah sungai itu bersih adalah seperti berikut; oksigen terlarut ( $> 7$  mg/L), BOD ( $< 1$  mg/L), COD ( $< 10$  mg/L), ammoniakal-nitrogen ( $< 0.1$  mg/L), pepejal terampai ( $< 25$  mg/L) dan pH ( $> 7$ ) seperti yang terkandung dalam Piawaian Kualiti Air Kebangsaan bagi Malaysia (JAS, 2007).

Jadual 2.1 menunjukkan kualiti air sungai di Malaysia berada dalam paras membimbangkan bermula dari tahun 1993 dengan 11 batang sungai yang direkodkan tercemar, sebanyak 35 batang sungai sedikit tercemar dan 48 batang sungai dilaporkan bersih daripada 90 batang sungai yang dikaji. Kemerostan kualiti air sungai diperhatikan berlaku sekitar tahun 1997 dengan 25 batang sungai didapati tercemar. Ini adalah satu peningkatan sekali ganda dari tahun sebelumnya.

Jadual 2.1 Status kualiti air di sungai-sungai terpilih di Malaysia berdasarkan Indeks Kualiti Air (WQI) 1990 – 2007

Tahap Kualiti Air	Bilangan Sungai Tahun																	
	'90	'91	'92	'93	'94	'95	'96	'97	'98	'99	'00	'01	'02	'03	'04	'05	'06	'07
Bersih	48	37	25	32	38	48	42	24	33	35	34	60	63	59	58	80	80	91
Sedikit tercemar	35	44	55	73	64	53	61	68	71	72	74	47	43	52	53	51	59	45
Tercemar	7	6	7	11	14	14	13	25	16	13	12	13	14	9	9	15	7	7
Jumlah diawasi	90	87	87	116	116	115	116	117	120	120	120	120	120	120	120	146	146	143

*Sumber: Jabatan Alam Sekitar (JAS, 2007)*

Pemantauan kebersihan sungai diperluaskan lagi dengan mengkaji sebanyak 146 batang sungai pada tahun 2005. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 80 batang sungai telah dikenalpasti bersih, 51 batang sungai sedikit tercemar dan 15 batang sungai tercemar daripada 146 batang sungai yang dipantau. Dalam kajian tersebut, bilangan sungai yang didapati tercemar semakin berkurangan pada tahun-tahun berikutnya (Jadual 2.1).

### 2.3.1 Impak Aktiviti Pertanian

Antara aktiviti pertanian yang terdapat di sepanjang dan sekitar kawasan Sungai Pinang adalah dusun buah-buahan, kebun sayur-sayuran dan ladang kelapa sawit. Kewujudan aktiviti pertanian yang semakin berleluasa di bahagian hulu kawasan tadahan air merupakan salah satu punca pencemaran air sungai secara keseluruhannya (Piscart *et al.*, 2009).

Penggunaan baja dalam pertanian telah bermula sejak tahun 1874 (Dermott, 1979). Pada waktu itu, kandungan nutrien fosforus dan kalium dalam penghasilan baja tidak banyak berubah sehingga kini. Walau bagaimanapun, kuantiti nitrogen yang

digunakan semakin meningkat secara berterusan mengikut perubahan masa dan keperluan sesuatu tumbuhan (Dermott, 1979).

Berdasarkan kajian-kajian sebelum ini, peningkatan nutrien nitrogen (Arheimer & Linden, 2000; Castillo *et al.*, 2000; Goolsby *et al.*, 2000, Bramly & Roth, 2002) dan fosforus (Fisher *et al.*, 2000; Bramly & Roth, 2002; Schaffelke *et al.*, 2005) dari larut lesap aktiviti pertanian boleh menyebabkan pencemaran terhadap sumber air minuman dan eutrofikasi di permukaan air sungai (Gomann *et al.*, 2004). Pembajaan pokok durian perlu dilakukan tiga atau empat kali setahun dan jumlah baja yang diperlukan adalah daripada 9 – 40 kg baja organik yang berunsur nitrogen (N), fosforus (P) dan kalium (K) untuk setiap pokok per tahun (PPDM, 2010). Tanaman pokok kelapa sawit memerlukan baja sebanyak 1.2 kg N, 0.4 kg P dan 2.0 kg K untuk setiap pokok setahun bagi menggalakkan pertumbuhan pokok dan penghasilan buah (Hishamudin *et al.*, 1987).

Kandungan pestisid yang tinggi dalam air boleh menyebabkan keadaan air sungai bertoksik dan berlaku pengurangan kandungan oksigen dalam air sungai (Griffin *et al.*, 1979). Di samping memberi kesan karsinogen dan mutagen terhadap hidupan akuatik di muara sungai, ia mampu menyebabkan kesan penyakit jangka panjang kepada manusia (Dermott, 1979).

### **2.3.2 Impak Aktiviti Domestik**

Penempatan manusia biasanya bermula di pinggir sungai seperti di muara-muara sungai. Masyarakat yang menetap di kawasan ini boleh menimbulkan masalah pencemaran air sungai seperti penggunaan detergen, bahan makanan, minyak, urin, najis (Jothy, 1976, Wan Maznah, 2002; Schaffelke *et al.*, 2005) pemendapan, hakisan dan kesihatan awam (Ahyaudin, 2000). Pembuangan secara terus dari kawasan perbandaran merupakan penyumbang utama terhadap pencemaran di Sungai Pinang, Georgetown (Wan Maznah, 2002). Punca masalah ini disebabkan penggunaan tanah seperti kawasan domestik, industri kecil dan gudang-gudang yang terdapat di sebahagian kawasan muara sungai (Wan Maznah, 2002).

Kehadiran lumpur dan pembuangan sampah sarap secara haram ke sungai, sisa domestik dan pepejal yang tak terurai oleh penduduk yang menetap di sepanjang sungai mengakibatkan keadaan sungai menjadi cetek dan sempit sehingga menjejaskan pengaliran air sungai (Wan Maznah, 2002).

Peningkatan kepekatan bahan nutrien domestik yang disalurkan ke dalam sistem sungai boleh meningkatkan masalah eutrofikasi di perairan laut (Ahyaudin, 2000). Goldberg (1976) dalam kajiannya melapor bahawa bahan boleh larut seperti bahan buangan najis yang disalurkan ke sungai telah dikenalpasti boleh dibawa sejauh 10 kilometer dari tempat ia dilepaskan bergantung kepada kuantiti dan pasang surut air laut.

### **2.3.3 Impak Aktiviti Akuakultur**

Bahan buangan dari kolam udang yang mengandungi nitrat dan fosforus boleh menimbulkan masalah eutrofikasi dalam air dan peningkatan pepejal terampai (Defur & Rader, 1995; Taufik, 2000). Bahan buangan dari kolam akuakultur mengeluarkan bahan kimia bertoksik, kehadiran parasit, antibiotik, bahan organik dan mendorong penularan penyakit melalui air sungai (Kautsky *et al.*, 2001; SAM, 2004).

Di samping itu, bahan buangan yang mengandungi lebihan pelet yang tidak dimakan, urin dan najis ternakan menghasilkan pencemaran organik dan kepekatan nutrien yang tinggi terhadap sungai dan menjurus kepada pengurangan kandungan oksigen terlarut dalam sistem sungai (Kautsky *et al.*, 2001 dan SAM, 2004). Impak daripada keadaan itu, biodiversiti ikan akan berkurangan seterusnya menggugat kuantiti dan juga kualiti hasil tangkapan para nelayan menerusi aktiviti perikanan (Kautsky *et al.*, 2001).

## **2.4 Parameter Fizikal Air Sungai**

### **2.4.1 Suhu**

Suhu air tawar di hulu sungai beriklim tropika adalah dalam lingkungan 25°C hingga 29°C (Dudgeon, 2008). Persekitaran yang menerima haba daripada cahaya matahari dapat mempengaruhi peningkatan suhu air sungai dan laut di sesebuah kawasan secara langsung (Sanderson dan Taylor, 2003). Walau bagaimanapun, kawasan yang terdedah dengan cahaya matahari di kawasan pasang surut mampu memindahkan

haba secara tidak langsung ke persekitaran perairan pinggir pantai (Sanderson & Taylor, 2003).

Selain daripada itu, julat tahunan bagi suhu air secara keseluruhannya bergantung kepada perubahan latitud, kelembapan udara, saiz kawasan perairan dan jarak yang menghampiri perairan di persisiran pantai (Lokman, 1992; Dudgeon, 2008). Persekitaran yang dilitupi pokok-pokok atau hutan memberikan nilai suhu yang lebih rendah berbanding dengan persekitaran yang terdedah atau di tempat yang terbuka yang mempunyai suhu persekitaran yang lebih tinggi (Ngoye & Machiwa, 2004; Dudgeon, 2008). Nilai suhu air juga berkait rapat dengan perubahan kandungan oksigen yang dipegang dalam kolum air (Lokman, 1992; Dudgeon, 2008).

#### **2.4.2 pH**

Nilai pH yang optimum untuk sumber air minuman di bawah piawai Organisasi Kesihatan Sedunia ('World Health Organization', WHO) antara 6.5 – 9.5 (WHO, 2008) manakala dalam Interim Kebangsaan Piawai Kualiti Air untuk Malaysia ('Interim National Water Quality Standards for Malaysia', INWQSM) adalah 6.5 – 8.5 (JAS, 2008).

pH air sungai rendah semasa musim kering manakala peningkatan nilai pH berlaku pada musim hujan (Akpan, 2004; Uzoukwu *et al.*, 2004). Paras keasidan air sungai boleh dipengaruhi oleh aktiviti pembuangan sampah-sarap dari kawasan domestik (Akpan, 2004; Mendiguchia *et al.*, 2007), kemasukan bahan buangan berasid dan

penggunaan baja untuk pertanian (Karuppiah & Gupta, 2006; Sanjay Kumar *et al.*, 2006).

### **2.4.3 Jumlah Pepejal Terampai ('Total Suspended Solids', TSS)**

Secara amnya, kepekatan TSS lebih rendah di hulu berbanding dengan bahagian tengah dan hilir sungai. Ciri-ciri dasar sungai yang berselut dan berlumpur di tengah dan hilir sungai mempengaruhi peningkatan kepekatan TSS di kedua-dua bahagian sungai tersebut. Keadaan ini berbeza dengan struktur dasar di hulu sungai yang berpasir serta merekodkan kepekatan TSS yang lebih rendah.

Berdasarkan kajian Sanderson dan Taylor (2003) ketika sungai mengalami air surut, kepekatan TSS paling tinggi disebabkan oleh bahan buangan sedimen terampai yang terhasil dari saluran air kawasan pertanian. Kepekatan TSS dalam kolom air berpunca daripada pergolakan dari dasar sungai semasa air pasang (Sanderson & Taylor, 2003). Musim hujan menunjukkan peningkatan TSS (Costanzo *et al.*, 2003; Akpan, 2004; Sanjay Kumar *et al.*, 2006; Mendiguchia *et al.*, 2007) dengan kehadiran kelodak dan bahan organik yang dibawa oleh aliran sungai (Akpan, 2004) jika dibanding dengan musim kering.

Kemasukan air laut ke muara sungai (Mendiguchia *et al.*, 2007) dan bahan buangan daripada lebihan bahan makanan yang berlebihan dari kolam ternakan udang dan ikan (Macintosh & Phillips, 1992) adalah antara faktor peningkatan TSS. Hasil kajian oleh Jones *et al.* (2001), menunjukkan bahawa kepekatan TSS adalah tinggi dalam bahan buangan dari kolam akuakultur berbanding sisa kumbahan dari

domestik. TSS meningkat apabila pH (Sanderson & Taylor, 2003; Mendiguchia *et al.*, 2007), saliniti (Sanderson & Taylor, 2003) dan oksigen terlarut (Mendiguchia *et al.*, 2007) menurun pada paras minimum.

## **2.5 Parameter Kimia Air Sungai**

### **2.5.1 Oksigen Terlarut**

Oksigen yang terlarut di dalam air terhasil daripada proses percampuran oksigen di udara dengan air di bahagian permukaan air sungai. Proses fotosintesis oleh fitoplankton juga menghasilkan oksigen terlarut (Lokman, 1992).

Oksigen yang terlarut dalam air juga dipengaruhi oleh suhu, kemasinan, altitud dan kawasan sesebuah perairan (Lokman, 1992). Paras kandungan oksigen terlarut yang rendah boleh menyebabkan tekanan dan kesesakan nafas terhadap hidupan akuatik (Lokman, 1992). Kandungan oksigen yang rendah atau dalam istilah sains hipoksia ('hypoxia') terjadi disebabkan kewujudan peningkatan bakteria dan juga plankton yang banyak dalam air (Lindenschmidt *et al.*, 1998; Lindenschmidt *et al.*, 2009). Sungai mengalami masalah hipoksia kerana tahap BOD yang tinggi disebabkan peningkatan kandungan sedimen dari aliran perbandaran dan sisa kumbahan (Dauer *et al.*, 2000).

Kajian Dauer *et al.* (2000) mendapati kepekatan oksigen yang rendah berkorelasi dengan kepadatan penduduk ( $r = 0.7$ ) dan aktiviti guna tanah ( $r = 0.7$ ) tetapi ia tidak menunjukkan korelasi dengan kemuatan nutrien. Kajian ini menjelaskan bahawa